

BERITA HARIAN

13/4/2017 p. V8-V9



Sebahagian pelajar UPM dan PMC yang mengambil bahagian dalam lawatan itu.

# Pelajar bantu tangani penyakit zoonosis

Oleh Norsaiful Bahri  
Abdul Habib  
bhvarsiti@bh.com.my

## Gerik

Seramai 35 pelajar Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Perubatan Kesihatan Awam, Kolej Perubatan Pulau Pinang (PMC), mengadakan lawatan ke perkampungan Orang Asli Jahai di Sungai Tiang, Hutan Belum, di sini baru-baru ini.

Ketua projek, Prof Dr Abdul Rashid Khan, berkata kajian terhadap kumpulan masyarakat Orang Asli itu dilakukan untuk membangunkan strategi intervensi One Health bagi memecahkan rangkaian jangkitan zoonosis bawaan anjing yang berkeliaran di penempatan masyarakat itu.

Beliau berkata, masyarakat Orang Asli Jahai, suku kaum yang hidup di dalam hutan itu berdepan masalah ekoran pertambahan bilangan anjing liar di kawasan

penempatan mereka.

"Kurangnya perhatian boleh membawa kepada kemunculan jangkitan zoonosis dalam kalangan manusia akibat daripada bawaan anjing ini."

"Sebagai sebahagian daripada intervensi One Health Workforce, pelajar dapat menimba pengetahuan dan mewujudkan kesedaran berkaitan potensi morbiditi dan kematian yang dikaitkan dengan jangkitan zoonosis bawaan anjing," katanya.

### Berburu guna anjing

Ketua suku kaum Orang Asli Jahai, Ah Chong, berkata masyarakat Jahai yang umumnya suka berburu, menggunakan anjing ketika memburu.

"Bagaimanapun, berikutnya daripada pembiakan yang tidak terkawal dan kurangnya pemangsa menyebabkan bilangan anjing bertambah."

"Anjing terbatit tidak dijaga dan tidak menerima rawatan sewajarnya termasuk prosedur pemvaksinan atau menyahcacing," katanya.

Sementara itu, pelajar Fakulti Perubatan Veterinar

### Fakta nombor

#### Intervensi One Health Workforce

**35 PELAJAR**  
terlibat



Seorang pelajar melakukan kajian terhadap masyarakat Orang Asli Jahai mengenai jangkitan zoonosis bawaan anjing.

UPM, Chong Jia Jie, berkata penyertaannya dalam projek itu memberi kelebihan buat dirinya untuk berinteraksi dengan masyarakat terbatit.

Beliau berkata, kumpulan itu berkumpul di Pulau Banding pada sebelah pagi sebelum memulakan perjalanan ke lokasi dengan menaiki bot.

"Lawatan ini mengajar saya untuk menghargai masyarakat Orang Asli ini, yang memerlukan pertolongan dan bantuan kita. Melalui program seumpama itu, adalah lebih baik untuk memberi daripada meminta," katanya.

Projek berkenaan tertumpu kepada kumpulan pelajar yang mengumpul data, termasuk melakukan kaji selidik mengenai pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Jahai mengenai jangkitan zoonosis bawaan anjing, manakala satu kumpulan lagi mengambil sampel darah dan air liur daripada anjing liar itu.

Pelajar juga dapat mempelajari mengenai masyarakat Jahai serta struktur sosial dan budaya mereka, selain mengenali antara satu sama lain.



Bergambar kenangan bersama kanak-kanak masyarakat Orang Asli Jahai.